MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]

TARIKH : 05.11.2015 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 25

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah projek melebarkan Jalan Kg. Buluh Kasap, Mukim Sungai Karang ke Kg. Sg. Boh, Mukim Serkat sejauh 7 km yang merupakan jalan pintas dan alternatif ke kawasan industri Tg. Bin akan dilaksanakan. Laluan tersebut digunakan ratusan kenderaan bermotor dan membahayakan penduduk kampung akibat laluan yang sempit.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, projek ini tidak disenaraikan di bawah senarai keutamaan Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan projek pembangunan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Namun begitu, Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan kepada Kementerian bagi membolehkan siasatan tapak serta perincian kos ditentukan sebelum diangkat kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.